

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersialan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutraceutical Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Kelayakan
1.	Juruteknik (Gred 14 – Jawatan Kontrak) (Institut Farmaseutikal dan Nutraceutical, IPHARM - PENANG)	<p>Mempunyai kebolehan untuk melaksanakan tugas-tugas berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membantu dalam menyelia aktiviti penyelenggaran merangkumi kerja-kerja awam, elektrikal, mekanikal, ICT bangunan; 2. Membantu dalam menyelia kerja-kerja pemberian bangunan merangkumi skop elektrikal, mekanikal, ICT dan awam bangunan; 3. Membantu dalam menyelia kerja-kerja pembersihan bangunan, kawalan makhluk perosak, penyelenggaran lanskap bangunan dan kawalan tanpa senjata; 4. Membantu dalam menguruskan proses pemilihan pelawaan, pembelian, perkhidmatan, pembekalan bagi kerja-kerja penyelenggaraan bangunan; 5. Membantu dalam memeriksa dan menyediakan senarai kerosakan bangunan; 6. Membantu dalam menyelia keselamatan dan kesihatan pekerja; 7. Membantu dalam kerja-kerja penyelenggaraan makmal berakreditasi ISO, GMP, GLP dan AAALAC; dan 8. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke kemasa. <p>Kelayakan dan Pengalaman:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Warganegara Malaysia; 2. Memiliki sekurang-kurangnya STPM atau Sijil Kemahiran yang diiktiraf; 3. Pemegang Diploma (Awam/Mekanikal/Elektrikal) daripada institusi- institusi pengajian tinggi yang diiktiraf digalakkan memohon dan merupakan satu kelebihan; 4. Memiliki sekurang-kurangnya 3-5 tahun pengalaman dalam bidang penyelenggaraan bangunan; dan 5. Berpengetahuan dalam kerja-kerja sivil/mekanikal/elektrikal.

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**JABATAN SUMBER MANUSIA DAN PENTADBIRAN,
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**

Pejabat Pentadbiran, Aras 1,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
d/a Ibu Pejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel: 03-8949 5620
Emel:recruitment@nibm.my

Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan: **9 DISEMBER 2022**